



**MBSB BANK BERHAD
JABATAN KOMUNIKASI STRATEGIK**

Tingkat 7, Wisma MBSB,
No. 48, Jalan Dungun,
Bukit Damansara
50490, Kuala Lumpur

Tel. (03) 2096 3000/3230

Faks. (03) 2096 3372

Laman web: www.mbsbbank.com

**SIARAN MEDIA
KENYATAAN AKHBAR
Untuk Siaran Segera
30 APRIL 2019**

**MBSB BANK BANTU DUA BUAH RUMAH KEBAJIKAN
DALAM PERSIAPAN MENYAMBUT BULAN RAMADAN**

Kuala Lumpur, 30 April 2019 – MBSB Bank membawa keceriaan kepada Rumah Anak Kesayangan, Selangor dan Pusat Jagaan Kasih Ilahi, Selangor dengan menyalurkan bantuan barangan keperluan dapur dan juga peralatan elektrik.

Program ini merupakan salah satu daripada inisiatif MBSB Bank untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dalam persiapan menyambut bulan Ramadan.

Ditemubual semasa upacara penyerahan barangan keperluan dari ST Rosyam Mart Sdn. Bhd., Puan Azlina Mohd Rashad, Ketua Pegawai Korporat MBSB Bank berkata “Kami berharap dengan bantuan yang disalurkan kepada kedua-dua rumah ini dapat membantu meningkatkan taraf keselesaan anak-anak serta para penjaga. Kami ingin melakukan yang terbaik dalam memastikan keperluan anak-anak yatim serta golongan yang kurang bernasib baik terpelihara terutamanya pada bulan Ramadan yang mulia ini.”

Turut hadir di upacara penyerahan tersebut adalah Datuk Rosyam Nor, Pengarah ST Rosyam Mart Sdn. Bhd.

MBSB Bank akan turut menganjurkan program tahunannya, 'Majlis Iftar Bersama MBSB Bank' bersama 150 anak-anak yatim dan kanak-kanak yang kurang bernasib baik dari Asrama Darul Falah (ASDAF), Kuala Lumpur dan Persatuan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Damai Kuang, Selangor serta wakil-wakil dari rumah-rumah kebajikan sekitar Lembah Klang dengan meraikan mereka di majlis berbuka puasa bertempat di Hotel Aloft, Kuala Lumpur.

-Tamat-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi;-

Azlina Mohd Rashad

Ketua Pegawai Korporat

Bahagian Perkhidmatan Korporat

Tel: 03-2096 3000/3230

Fax: 03-2096 3372

Email: strategiccom@mbsbbank.com

Mengenai MBSB Bank Berhad

MBSB Bank Berhad, sebuah bank yang menjalankan Perbankan Islam sepenuhnya, diperbadankan pada 28 November 2005 dan merupakan anak syarikat milik penuh Malaysia Building Society Berhad.

Pada 6 November 2017, MBSB telah menandatangani Perjanjian Saham & Pembelian dengan pemegang saham Asian Finance Bank Berhad ("AFB / Vendors") untuk cadangan pengambilalihan oleh MBSB bagi keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AFB untuk pertimbangan pembelian agregat sebanyak RM644,952,807.66 dengan cara tunai berjumlah RM396,894,036.26 dan pengeluaran 225,507,974 Saham Pertimbangan pada harga terbitan RM1.10 setiap Saham Pertimbangan ("Perolehan").

Perolehan ini telah diluluskan oleh pemegang saham MBSB pada 23 Januari 2018. Para pemegang saham juga meluluskan pemindahan Aset dan Liabiliti yang Patuh Syariah MBSB kepada AFB melalui Skim Pengaturan Ahli.

Selaras dengan kelulusan yang disebutkan dan setelah selesai pemindahan saham dan pembayaran baki pertimbangan pembelian kepada Vendor, AFB menjadi anak syarikat milik penuh Malaysia Building Society Berhad pada 7 Februari 2018.

AFB telah membuat penjenaman semula dan pada 2 April 2018, ia menukar namanya kepada MBSB Bank Berhad
